



جباتن كحاكن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : mukhyuddin@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 4 (**30**)
Takwim : **23** Rabi'ul Akhir 1440H
Tarikh : **31** Disember 2018


Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri.

ARAHAN AMALAN NO. 8 TAHUN 2018

Tatacara Penerimaan Dan Pengendorsan Arahan Amalan

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2018 pada 13 Rabi'ul Awal hingga 15 Rabi'ul Awal 1440H bersamaan 21 November hingga 23 November 2018 di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Wilayah Persekutuan Putrajaya telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung tatacara penerimaan dan pengendorsan Arahan Amalan di peringkat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN)/Mahkamah Syariah Negeri (MSN) adalah seperti dalam Lampiran.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.


(DATO' HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

SYARIAH ASAS KEADILAN



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO: AR 3800

TATACARA PENERIMAAN DAN PENGENDORSAN ARAHAN AMALAN

1. MUQADDIMAH

Arahan Amalan adalah salah satu mekanisme penyeragaman hasil daripada perkongsian strategik dalam kalangan Ketua-ketua Hakim Syarie Negeri seluruh Malaysia untuk menyelaraskan keseragaman prosiding kehakiman dan pentadbiran kehakiman Syariah di Malaysia. Sejak Arahan Amalan dikeluarkan setiap tahun mulai 2000 (18 tahun yang lalu), telah banyak kejayaan penyeragaman dilaksanakan diperingkat pentadbiran dan prosiding kehakiman dan memudahkan orang ramai berurusan dengan JKSN/MSN walaupun berlainan negeri.

2. TUJUAN

Tatacara penerimaan dan pengendorsan arahan amalan ini dikeluarkan untuk mencapai objektif berikut-

- 2.1 Memastikan proses penerimaan dan pengendosan setiap Arahan Amalan diperingkat JKSN/MSN lebih tertatur dan sistematik.
- 2.2 Memastikan Arahan Amalan baru diedar tanpa gagal kepada semua warga kehakiman syariah di peringkat negeri.
- 2.3 Memastikan pandangan JKSN/MSN dipertimbangkan dalam memutuskan sebarang cadangan penerimaan dan penangguhan pelaksanaan Arahan Amalan akibat percanggahan tatacara dalam Arahan Amalan dengan undang-undang yang berkuatkuasa diperingkat negeri tertentu.
- 2.4 Memastikan Arahan Amalan sentiasa berkembang dan berinovasi mengikut perkembangan perundangan dan kehakiman semasa.

3. PROSES KERJA/ TATACARA

- 3.1 KHS/KP memastikan surat edaran Arahan Amalan baru dari JKSM telah dicap terima oleh pihak registri jabatan.
- 3.2 KHS/KP menyemak dan mempertimbangkan sama ada wujud sebarang percanggahan dalam mana-mana Arahan Amalan berkaitan prosiding kehakiman (Pra Bicara, Perbicaraan dan Pasca perbicaraan) dengan mana-mana undang-undang di peringkat negeri dalam tempoh 2 minggu dari tarikh penerimaan surat edaran Arahan Amalan.
- 3.3 KHS/KP mengendors dan menguatkuasakan Arahan Amalan dengan mengeluarkan surat edaran dalaman dan melampirkan Arahan Amalan kepada semua warga JKSN/MSN serta agensi pelaksanaan kehakiman syariah di peringkat negeri iaitu Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri, Persatuan Peguam Syarie Negeri, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri dan Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri mengikut format Lampiran 'A'. Satu salinan surat tersebut hendaklah dihantar ke JKSM.
- 3.4 Sekiranya terdapat percanggahan dalam mana-mana Arahan Amalan berkaitan prosiding kehakiman (Pra Bicara, Perbicaraan dan Pasca perbicaraan) dengan mana-mana undang-undang di peringkat negeri, JKSN/MSN bolehlah memaklumkan sebarang penangguhan sementara pelaksanaan sesuatu proses kerja dalam Arahan Amalan (secara khusus) dan mencadangkan sebarang penambahbaikan yang membolehkan hasrat penyeragaman tatacara tertentu boleh dijayakan dalam jangka masa panjang mengikut format Lampiran 'B' dan 'C' kepada Urusetia.

LAIN-LAIN

- 3.5 Urusetia akan menimbang dan memutuskan sebarang cadangan penangguhan penguatkuasaan dan cadangan penambahbaikan yang diterima dengan mengirim jawapan rasmi bertulis.
- 3.6 KHS/KP memaklumkan kepada warga JKSN/MSN dan agensi kehakiman syariah yang lain terhadap sebarang keputusan sama ada permohonan penangguhan atau cadangan penambahbaikan yang dikemukakan diluluskan atau sebaliknya.

Bertarikh: **31** Disember 2018


(DATO' HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)

Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

**CONTOH SURAT EDARAN DALAMAN DAN
AGENCI KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI**

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI.....
Alamat...

No. Surat & Fail
Tarikh:

Kepada

Hakim MTS

Hakim MRS

Pegawai Syariah

Semua kakitangan JKSN/MSN

YB Penasihat Undang-undang Negeri

Ketua Pendakwa Syarie Negeri

Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri

Pengerusi Persatuan Peguam Syarie Negeri

Y.Bhg Datuk/Dato'/Yang Arif/Tuan/Puan,

PENERIMAAN DAN PENGUATKUASAAN ARAHAN AMALAN TAHUN 20.....

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/Mahkamah Syariah Negeri _____ telah bersetuju untuk menerima dan menguatkuasakan semua Arahan Amalan 2018 mulai _____.

2. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan sesalinan Arahan Amalan tersebut untuk tindakan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Yang Arif/Tuan/Puan meneliti, memahami dan mengedarkan kepada warga kerja di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Yang Arif/Tuan/Puan untuk dilaksanakan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai Arahan Amalan tersebut bolehlah berhubung dengan Ketua Penolong Pengarah Seksyen Rekod Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod di nombor telefon: 03-8870 9200.

Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak YBhg. Datuk/Dato'/Yang Arif/Tuan/Puan amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,

Ketua Hakim Syarie Negeri _____
Jabatan Kehakman Syarian/ Mahkamah Syariah Negeri _____

s.k

Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

**CONTOH SURAT PERMOHONAN PENGECUALIAN/ PENANGGUHAN ARAHAN
AMALAN TERTENTU DARI DI ENDORS DAN DIKUATKUASAKAN.**

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI.....

Alamat...

No. Surat & Fail :
Tarikh :

Kepada

YAA Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA

YAA Dato',

**MOHON PENGECUALIAN/PENANGGUHAN PELAKSANAAN ARAHAN AMALAN
TAHUN 20.....**

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kehakiman Syariah Negeri _____ telah membuat kajian kesesuaian tatacara/prosiding dalam Arahan Amalan dengan undang-undang negeri yang berkuatkuasa, memohon untuk pengecualian/penangguhan penguatkuasaan pelaksanaan _____ daripada _____ Arahan Amalan sebagaimana dinyatakan dengan jelas dalam lampiran yang disertakan.

2. Pertimbangan pihak YAA Dato' amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,

Ketua Hakim Syarie Negeri _____
Jabatan Kehakman Syarian/ Mahkamah Syariah Negeri _____

LAIN-LAIN

LAMPIRAN 'C'

**BORANG PERMOHONAN PENGECUALIAN/ PENANGGUHAN ARAHAN AMALAN TERTENTU DARI DI ENDORS DAN
DIKUATKUASAKAN.**

Bil.	No.Arahan Amalan Dan Perenggan Berkaitan	Sebab Penangguhan/ Pengecualian	Cadangan Mengharmonikan Percanggahan/	Tempoh Penangguhan Diperlukan	Catatan
1					

Nota: Borang ini sesuai dicetak secara *layout lanscape*